

Keganasan Di Sekolah Menakutkan Ibu Bapa

Kematian Mohamad Farid mencetuskan kebimbangan dan ketakutan di kalangan ibu bapa lain yang mempunyai anak-anak belajar di sekolah berasrama

PADA ketika majoriti rakyat masih dalam mood gembira dengan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu, kegembiraan itu diragut oleh satu kes memilukan membabitkan seorang pelajar sebuah sekolah menengah agama di Seremban, Ahad lalu.

Mohamad Farid Ibrahim, 16, pelajar tingkatan empat yang baru sebulan memasuki sekolah berkenaan mati dibunuh setelah dipercayai diragging oleh sekumpulan 14 pelajar senior di asrama sekolah itu.

Kecederaan yang dialami oleh pelajar malang itu sehingga menyebabkan kematian bukan saja meremukkan hati ibu bapanya tetapi mencetuskan kebimbangan dan ketakutan di kalangan ibu bapa lain yang mempunyai anak-anak belajar di sekolah berasrama.

Kita dapat membayangkan bagaimana perasaan ibu

bapa yang kematian anak dalam keadaan tragis dan kejadian itu pula berlaku di sekolah agama yang tentunya didikan agamanya lebih dititikberatkan berbanding sekolah-sekolah biasa.

Jika di sekolah agama pun anak-anak masih terancam nyawa mereka, kita tidak tahu apa sudah jadi dengan moral pelajar kita sekarang. Kejadian yang menimpa Mohamad Farid itu adalah yang pertama dilaporkan pada tahun ini. Pada tahun sebelumnya, rakyat negara ini telah digemparkan dengan kegiatan gangsterisme di sekolah berasrama penuh tersohor seperti di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Sekolah Tuanku Abdul Rahman.

Antara kes-kes samseng dan ragging yang dilaporkan sepanjang tahun lalu adalah seperti berikut:

1. 6 September 2003: Seorang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengan Teknik, Kota Tinggi, Johor, cedera parah dibelasah oleh 11 pelajar senior sekolah itu.

2. 12 Ogos 2003: Seorang pelajar Maktab Rendah Sains Mara, Kota Bharu, Kelantan, patah tangan apabila dibelasah oleh empat pelajar.

3. 13 Ogos 2003: Seorang pelajar Kolej Sains Mara di Jeli, Kelantan, cedera dan dimasukkan ke hospital kerana dipukul oleh lima pelajar sekolah yang sama.

4. 11 Ogos 2003: Mohd. Hafizi Jumhari, 16, pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor, cedera parah apabila dipukul oleh sekumpulan pelajar senior sekolah itu.

Berdasarkan kes-kes yang dilaporkan oleh media dan kemungkinan masih banyak kes yang tertutup begitu saja, kegiatan samseng di sekolah sudah semakin serius. Di Perak, Jabatan

ISU-ISU RAKYAT

bersama
MARZUKI YUSOFF



Kematian Mohamad Farid (gambar kecil) mendorong bapanya, Ibrahim Maadah membuat laporan polis kerana bapa Farid tidak dapat menerima kejadian yang menimpanya

Pendidikan negeri pernah mendedahkan mengenai kegiatan membuli dan samseng yang menular di kalangan murid-murid sekolah rendah.

Fenomena yang berlaku itu jika dibiarkan akan menyebabkan ibu bapa negara ini diragut kebimbangan mengenai tahap keselamatan anak-anak mereka apalagi di sesetengah sekolah dan institusi pengajian, pelajar senior masih mengamalkan budaya membuli pelajar junior atas nama minggu atau bulan suai kenal.

Bagi mereka yang pernah melalui minggu suai kenal di universiti, ia sebenarnya satu amalan yang berkesan untuk 'memaksa' dan mempercepatkan pelajar-pelajar junior mengenali serta menghormati senior mereka.

Namun begitu, adakalanya minggu suai kenal itu bertukar menjadi hari-hari paling menakutkan bagi pelajar junior kerana sering

dibuli, diancam dan dipaksa melakukan perkara-perkara yang di luar kebiasaan mereka. Bukannya sesuatu yang mengejutkan apabila ada pelajar baru yang menjadi mangsa liwat oleh pelajar senior mereka. Untuk membendung gejala samseng daripada terus menular di sekolah-sekolah, pihak sekolah perlu memainkan peranan lebih besar.

Pengetua dan guru-guru besar perlu menyampaikan mesej keras dan bentuk hukuman yang bakal dikenakan ke atas mereka yang terbabit dalam kegiatan samseng semasa pelajar-pelajar baru mendaftar masuk sekolah dan mesej itu perlu terus diperingatkan dari semasa ke semasa. Jika pihak sekolah sukar untuk menyampaikan mesej itu, mereka perlu kerap menjemput pegawai-pegawai polis, pegawai tentera selain pakar-pakar motivasi untuk menerapkan nilai-nilai disiplin yang tinggi kepada para pelajar mereka.

Adakalanya pelajar dalam usia mentah mereka tidak menyedari mengenai kesan daripada perbuatan mereka. Untuk itu, apa salahnya pihak sekolah meletakkan keratan-keratan akhbar di papan kenyataan sekolah dan di perpustakaan mengenai kes-kes pelajar yang dibuang sekolah atau ditahan polis kerana memukul atau membunuh pelajar lain.

Penulis merasakan sekiranya pihak sekolah meletakkan keratan akhbar mengenai kes pembunuhan Mohamad Farid dengan gambar sekumpulan pelajar yang memukulnya ditahan oleh polis di papan kenyataan sekolah, kesan psikologinya ialah para pelajar akan lebih berhati-hati untuk tidak melakukan kesilapan yang sama. □